

KISAH

PEJUANG KANSER



"Anak-anak Sumber Kekuatan"

Siapa sangka kisah duka suatu ketika dahulu menjadi sumber kekuatannya pada hari ini. Diuji dengan keguguran tatkala kandungannya sudah berada pada trimester ketiga adalah perkara paling perit yang dialami oleh Ain, 47 tahun. Namun, kedukaan itu terubat apabila dikurniakan sepasang anak kembar dua tahun selepas peristiwa itu. Setelah 13 tahun berlalu, Ain diduga sekali lagi setelah didiagnosis mendapat kanser payudara tahap dua pada 2017.

"Ketika itu, saya berasa dunia ini seperti hendak runtuh. Namun, saya percaya ada hikmah yang Allah beri. Saya pernah kehilangan anak. Itulah ujian yang paling berat dan saya telah laluinya dengan hikmah yang tersendiri," jelasnya yakin sambil mengimbas memori lampau.

Sebagai pesakit kanser yang baharu, Ain sedar betapa pentingnya untuk mendapatkan maklumat sahih. Justeru, beliau menghadiri sesi kumpulan sokongan anjuran sebuah badan bukan kerajaan (NGO).

Perkongsiannya daripada seorang survivor kanser yang telah bertahan selama 20 tahun telah meniupkan semangat dan inspirasi buat Ain.

Ternyata, penyertaan Ain sepanjang sesi tersebut bukan sesuatu yang sia-sia.

Kongsi perjalanan kanser bersama anak-anak

Pada awalnya, pakar bedah payudara menjangkakan Ain akan menjalani rawatan kemoterapi setelah melakukan pembedahan mastektomi. Ain telah membuat persediaan lebih awal untuk menghadapi kemoterapi sebelum pembedahan dilakukan lagi.

"Saya bernasib baik kerana masih bekerja dan dapat menjalani rawatan di hospital swasta. Saya bersyukur kerana pelan insurans daripada majikan membantu saya untuk membayar sebahagian besar kos rawatan," kata Ain yang bekerja di sebuah organisasi swasta.

Selain persediaan kewangan, fizikal dan mental untuk diri sendiri, Ain turut memikirkan tentang keadaan anak-anaknya sekiranya beliau sedang dalam rawatan. Beliau mula berkongsi tentang penyakit kanser, kemoterapi dan kesan sampingannya agar anak-anak dapat memahami situasi beliau ketika dalam rawatan kelak.

"Mama minta maaf kerana terpaksa menukarkan sekolah kini ke sekolah kerajaan. Mama perlu jalani kemoterapi untuk sihat semula. Selepas pembedahan, rumah kita mesti bersih, kemas, dan bebas habuk. Mama minta anak-anak doakan mama cepat sihat," cerita ibu kepada tiga orang cahaya mata ini sambil teringat peristiwa lalu saat beliau menangis ketika menghantar anak-anaknya ke sekolah baharu.

"Maafkan mama," detiknya di dalam hati.

Sementara menunggu tarikh rawatan tiba, Ain melakukan solat taubat, tahajjud, hajat dan dhuha tanpa gagal pada setiap hari.

Ain berdoa agar Allah memudahkan urusannya dalam menjalani rawatan.

"Saya berasa hendak sujud syukur di situ juga apabila doktor onkologi maklumkan yang saya tidak perlu menjalani kemoterapi. Hanya perlu lalui pembedahan mastektomi dan mengambil Tamoxifen. Selepas selesai pembedahan dan dibenarkan pulang ke rumah, saya perhatikan anak-anak sudah senaraikan tugas yang perlu mereka buat dan bantu saya.



Syanor Ain Shaharom

"Saya sedar saya ada anak yang sedang menunggu di syurga. Mereka yang menjadikan saya kuat sehingga ke hari ini."

"Saya percaya hanya mereka yang senasib dapat memahami apa yang saya rasa."

"Kita perlu redha dengan ujian yang diterima. Teroka ujian ini dari sudut yang positif."

Bilangan 4 • Disember 2020

Saya bersyukur kerana anak-anak sangat memahami walaupun terpaksa bertukar sekolah. Saya tidak sangka penerimaan anak-anak amat baik," ujar Ain dalam nada sebak mengenangkan peristiwa tersebut.

"Sebagai ganjaran, saya bawa mereka bersiar-siar dan membeli pelbagai barangan jenama Smiggle sebagai hadiah kerana menjaga saya dengan baik ketika sakit. Mereka sangat gembira. Saya pun bahagia melihat anak-anak gembira," tambahnya lagi sambil tersenyum lebar.

Cabaran dan keperluan sokongan pesakit kanser

"Pada mulanya saya dapatkan maklumat melalui internet. Cuma tidak pasti ia sahih atau tidak. Saya rujuk kepada kumpulan sokongan kanser. Mereka sangat positif dan aktif selepas disahkan sebagai pesakit kanser. Mereka beri tunjuk ajar tentang penjagaan dan senaman selepas pembedahan. Saya percaya hanya mereka yang senasib dapat memahami apa yang saya rasa," kongsinya.

Sebelum disahkan kanser payudara, Ain mengalami penyakit Idiopathic Thrombocytopenic Purpura (ITP) iaitu sejenis penyakit kekurangan platlet. Ubat Tamoxifen telah memberi kesan kepada platlet darah dan secara tidak langsung memberi kesan kepada rahim dan ovari beliau. Disebabkan itu, beliau dinasihatkan oleh pakar sakit puan untuk menjalani pembedahan membuang rahim dan ovarinya pada 2018. Sebagai seorang wanita yang bekerjaya, Ain perlu bekerja semula setelah tamat cuti rehat.

Ain berasa kurang yakin dengan penampilan dirinya setelah menjalani pembedahan mastektomi.

"Maklum lah, 'aset' sudah tiada. Semasa membuat pembentangan di hadapan rakan sekerja, saya fikir mereka pandang ke arah dada saya sahaja. Saya malu. Walhal mereka fokus pada apa yang saya bentangkan. Tetapi perasaan saya sahaja yang begitu," cerita Ain sambil ketawa.

"Akhirnya saya gunakan prostesis dengan bantuan kumpulan sokongan kanser. Beberapa bulan kemudian, saya ke Amanita Services untuk membeli prostesis yang lebih selesa mengikut saiz dan ukuran yang sesuai. Saya kuatkan hati dan abaikan rasa malu. Saya niatkan yang saya cuma mahu bekerja dan mencari rezeki untuk keluarga. Selepas itu, saya sudah tidak peduli dengan pandangan mata orang lain terhadap saya," ujarnya yang turut mendapat sokongan yang baik daripada majikan dan rakan sekerja.

Kekuatan berdepan dugaan kanser

Ain yakin tanpa sokongan padu daripada anak-anak, beliau tidak akan sekuat hari ini untuk menghadapi penyakit kanser.

"Mereka syurga saya. Saya sedar saya ada anak yang sedang menunggu di syurga. Mereka yang menjadikan saya kuat sehingga ke hari ini. Allah uji dengan kanser untuk beri peluang mengumpul pahala. Saya yakin Allah tidak akan uji melebihi kemampuan kita," jelas Ain yang turut mengakui kekuatan dalaman merupakan salah satu penyumbang utama untuk terus mengharungi hari sebagai pesakit kanser.

Keadaan rakan survivor kanser yang kekal positif, aktif dan bersemangat membantu Ain menjadi lebih kuat dan mereka juga sumber motivasi buat Ain.

Ain sedar bahawa ramai pesakit yang mengalami keadaan yang lebih mencabar berbanding dirinya. Sebagai tambahan, keluarga juga harus memainkan peranan penting dalam menyokong emosi dan bantuan fizikal terhadap pesakit.

Nasihat buat pesakit kanser

Ain menyarankan kepada pesakit kanser yang baharu supaya menyertai sebarang kumpulan sokongan kanser melalui aplikasi whatsapp atau perjumpaan bersama ahli yang dianjurkan.

"Saya aktif dengan beberapa kumpulan sokongan kanser sekitar Lembah Klang. Saya juga suka memberi sokongan kepada pesakit kanser walaupun mereka berada di luar kawasan Lembah Klang. Kalau kita berbuat baik pada orang, Allah juga akan hantar orang yang baik pada kita," jelasnya yang turut memegang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi, Persatuan KanWork bagi sesi 2020-2022.

Ain juga aktif melakukan sokongan melalui lawatan ke rumah, hospital dan komunikasi di telefon.

Ain turut berpesan supaya pesakit kanser perlu sentiasa positif dan elakkan diri daripada berasa tertekan. Sentiasa rasa bersyukur dan tingkatkan ibadah kepada tuhan.

"Saya selalu berpesan pada diri. Ramai pesakit kanser lain berdepan dengan dugaan yang lebih hebat daripada saya. Tiada sebab saya mahu putus asa dalam mendapatkan kesembuhan. Kita perlu redha dengan ujian yang diterima. Teroka ujian ini dari sudut yang positif. Apabila kita sudah sembuh, kita pula yang membantu pesakit baharu yang lain. Rebut pahala sebagai bekalan kita ke syurga," kata beliau mengakhiri perbualan.



Persatuan Kanser Network Selangor & Wilayah Persekutuan

www.kanwork.org 1 800 22 8672 kanwork.selangor@yahoo.com MyGift2KanWork:<https://donate.kanwork.org>